

PERMASALAHAN SOSIAL DAN AGAMA DALAM NOVEL TERPILIH NAJĪB MAHFŪZ DAN SHAHNON AHMAD

1091

AHMAD REDZAUDIN GHAZALI
MOHAMAD ROFIAN ISMAIL
KHAIRATUL AKMAR ABD LATIF PhD

Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor.
redzaudin@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis beberapa permasalahan yang berkaitan dengan soal-soal keagamaan yang diketengahkan oleh Najīb Mahfūz dan Shahnnon Ahmad melalui beberapa karya kreatif imaginatif yang mereka hasilkan. Bagi tujuan tersebut beberapa buah novel telah dipilih untuk dianalisis dan dibincangkan dalam kajian ini. Novel-novel tersebut ialah Zuqāq al-Midāq, Trilogi, al-Qāhirah al-Jadidah dan al-Marāya karya Najīb Mahfūz. Sementara itu novel Protes, Tunggul-tunggul gerigis, Srengenge, Umi dan Abang Syekhul dan Tok Guru pula mewakili karya-karya Shahnnon Ahmad. Dapatan kajian menunjukkan kedua penulis telah mengungkapkan permasalahan berkaitan keagamaan lewat karya-karya mereka yang telah dipilih mengikut perspektif masing-masing dengan dipengaruhi pengalaman, persekitaran serta masyarakat di mana mereka tinggal.

Kata Kunci: Najīb Mahfūz, Shahnnon Ahmad, Novel, Agama.

1. PENDAHULUAN

Seperti dimaklumi umum, kedua-dua sasterawan yang sedang dibicarakan karya mereka di sini adalah beragama Islam. Di samping itu, mereka juga berasal dari dua buah negara yang majoriti penduduknya adalah beragama Islam. Oleh yang demikian sudah tentulah perbincangan di sini juga akan berasaskan kepada dua premis tersebut. Dalam menangani kajian permasalahan ini, pengkaji cuba meninjau permasalahan berkaitan, yang diketengahkan oleh kedua-dua sasterawan ini dari dua aspek. Aspek yang pertama ialah yang berkaitan dengan pemikiran seperti pegangan, kepercayaan ataupun aqidah. Aspek yang kedua pula ialah yang berbentuk fizikal seperti amalan atau tindakan yang melibatkan cara hidup individu terbabit.

2. PERMASALAHAN SOSIAL DAN AGAMA DALAM NOVEL NAJĪB MAHFŪZ

Agama dan kehidupan beragama secara tradisional adalah satu pegangan yang tidak boleh dipersoalkan bagi masyarakat awam di Mesir. Sementara itu bagi mereka yang berpandangan sebaliknya akan dianggap sebagai pembawa pemikiran baru dan tidak dialu-alukan. Adalah tidak dapat dinafikan agama islam telah lama bertapak dan menjadi penyumbang kepada tertegaknya tamadun yang tinggi di tanah Arab sejak lebih seribu tahun yang lampau. Bagaimanapun, kerana kelekaan penganut-penganutnya, agama yang dahulunya menjadi petunjuk dan sumber rujukan serta sentiasa memberi jawapan kepada segala permasalahan, akhirnya membentuk satu generasi yang jumud. Sementara

itu, masyarakatnya pula adalah masyarakat yang beku idea dan malas berfikir. Natijah dari keadaan itu akhirnya lahirlah masyarakat Arab yang tidak produktif. Pemerintah dan kerajaan pula menjadi lemah sehingga mereka akhirnya tunduk kepada penjajah dari barat pada akhir kurun kesembilanbelas (Al-Jamīlī t. th: 83).

Kegagalan golongan yang berpegang dengan ajaran agama secara tradisional memberi jawapan ke arah jalan penyelesaian masalah umat pada waktu itu mendorong segelintir golongan muda melarikan diri kepada pemikiran baru yang lebih memenuhi kehendak dan inspirasi mereka. Arus gelombang pemikiran Marxis yang melanda dunia selepas kejayaan revolusi komunis di Rusia pada waktu itu turut mendapat perhatian masyarakat di Mesir. Golongan muda yang terpelajar dilihat adalah golongan teramai yang terpengaruh dengan idea-idea baru tersebut. Pandangan yang kritis dan radikal terhadap konsep ketuhanan, agama dan ajaran-ajarannya menjadi sesuatu yang biasa bagi mereka yang dilabelkan sebagai golongan berhaluan kiri ini.

Di samping itu, muncul pula falsafah eksistensialisme, satu lagi gelombang pemikiran dari barat yang turut menggugat pegangan beragama anak-anak muda di Mesir. Aliran falsafah yang sering dikaitkan dengan Jean Paul Sarte dan Albert Camus ini berpendapat manusia mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan takdirnya sendiri. Bagi mereka tuhan dan takdir itu hanyalah khayalan semata-mata. Pandangan baru ini telah mendapat tempat di kalangan pemuda-pemuda Mesir yang dahagakan perubahan kerana merasakan ajaran-ajaran agama tidak sesuai lagi untuk zaman moden ini.

Najīb Mahfūz sebagai *mediator of society* cuba merakamkan permasalahan yang timbul hasil dari pengamatannya terhadap konflik di dalam masyarakat Mesir. Bermula dari teretusnya revolusi tahun 1919 hinggalah kejatuhan pemerintahan monarki, teretusnya revolusi tahun 1952, hilangnya kuasa pemerintahan dari golongan Wafdis dan tertegaknya kerajaan Sosialis di Mesir, beliau masih lagi terus-terusan berkarya sehinggalah dianugerahkan hadiah nobel sastera pada tahun 1988 dari Swedish Academy of Letters.

Antara permasalahan yang cuba diketengahkan oleh Najīb Mahfūz ialah pertembungan diantara teologi agama dan arus pemikiran moden yang berteraskan sains. Serentak dengan perubahan cuaca politik antarabangsa selepas perang dunia pertama, pengaruh pemikiran baru dari barat (khususnya Marxisme) mula meresap ke dalam minda anak-anak muda pada waktu itu dan mencetuskan satu revolusi pemikiran yang baru. Disatu pihak lagi pemikiran secara konservatif dalam beragama yang telah lama menghuni minda masyarakat umum telah mencetuskan satu pertembungan pemikiran di antara kedua-dua golongan tersebut (Raja' ʿīd 1974: 58-59). Hasil dari pertembungan tersebut lahirlah krisis pemikiran yang serius dikalangan anak-anak muda pada waktu itu.

Wujudnya pertembungan pemikiran seperti yang telah dinyatakan di atas, dapat kita lihat menjelma bersama beberapa watak di dalam novel Najīb Mahfūz seperti *al-Qāhirah al-Jadīdah* dengan watak empat sahabat ʿAlī Tāha, Mahjub ʿAbd. Dāim, Makmūn Ridwān dan Ahmad Badīr. Di dalam trilogi pula (*Qosru al-Syauq, Baina al-Qasrain dan Al-Sukariyyah*) kita bertemu pula dengan Kamāl ʿAbd Jawwād, Ahmad Qaldis, Abd Munʿīm, Ahmad dan lain-lain lagi. Novel *al-Marāya* pula menemukan kita dengan watak seorang wartawan muda ʿAbbās Fauzī yang digambarkan oleh narator

sebagai bayangan kepada generasi muda waktu itu. Mereka yang disebutkan di sini telah digambarkan oleh Najīb Mahfūz sebagai pendokong dan pembawa kepada pemikiran-pemikiran baru tersebut.

Membaca dan meneliti novel-novel di atas akan menemukan kita dengan beberapa watak yang digambarkan oleh Najīb Mahfūz agak kritis dan kadangkala terpesong jauh dari fahaman agama yang sepatutnya. Watak-watak tersebut yang secara umumnya kita ketahui beragama islam, sudah tentulah sepatutnya, terikat dengan etika dan garis panduan yang telah ditetapkan islam kepada penganutnya. Namun, dari apa yang dilihat, watak-watak ini tidak langsung mengendahkan perkara tersebut. Malahan adakalanya mereka secara terbuka mempertikaikan ajaran-ajaran agama.

Hal di atas dapat kita lihat dari pertuturan dan perbualan mereka. Contohnya seperti Kamāl °Abd. Jawwād dan Ahmad di dalam trilogi yang sering mempertikaikan kebenaran agama serta ajaran-ajarannya. Hal yang sama dapat dilihat secara berleluasa di dalam *al-Qāhirah al-Jadīdah* melalui watak tiga sahabat °Ali Tāha, Mahjūb °Abd. Dāim dan Ahmad Badir. Dialog-dialog dari tiga sahabat ini dilihat sering sahaja mengkritik pegangan dan ajaran yang terdapat di dalam agama islam yang dianggap jumud dan tidak relevan lagi untuk dipraktikkan pada zaman moden ini.

Selain dari memaparkan permasalahan pemikiran baru yang agak radikal itu, Najīb Mahfūz juga memaparkan satu lagi masalah yang dihadapi oleh masyarakat iaitu gejala budaya hedonisme. Budaya hedonisma atau dikenali di dalam istilah bahasa arab sebagai *mazhab al-lazzah* ini meletakkan kesenangan dan kemewahan sebagai matlamat hidup mereka yang utama. Bagi golongan seperti ini, dalam mencapai matlamat tersebut soal moral atau batasan halal dan haram itu tidak wujud. Bagi mereka segala jalan atau wasilah untuk mendapat kesenangan dan kemewahan duniawi adalah tidak penting dan tidak perlu diambilkira, tetapi yang pentingnya adalah bagaimana menikmati kesenangan dan kemewahan tersebut.

Melihat kepada asas sejarah, ini sebenarnya bukanlah merupakan satu budaya yang baru bagi masyarakat Arab. Dengan membaca buku-buku sejarah peradaban Arab kita akan mendapati bahawa budaya ini sebenarnya telah lama wujud. Pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah contohnya, sejarah kesusasteraan Arab pernah diwarnai oleh puisi-puisi Basyār b. Burd dan Abu Nu ās yang dengan jelas menggambarkan cara hidup golongan hedonisme ini (Majdi Wahbah 1984: 11).

Budaya hedonisme di dalam karya Najīb Mahfūz, didokong oleh watak Mahjūb °Abd. Dāim dari novel *al-Qāhirah al-Jadīdah*. Dasar pemikiran Mahjūb °Abd. Dāim yang hanya mementingkan kebendaan dan kesenangan hidup itu tersimpul dalam falsafah “TAZ” (ظ) nya (1945: 10). Bagi Mahjūb °Abd Dāim pegangan atau anutan tertentu bukanlah satu perkara yang penting dalam hidupnya... (1945: 23)

و حق أن يقول على نفسه مسرورا: هاكم بطاقتي الشخصية وهي تغني عن كل التعريف: فقير واشتراكي, ملحد وشريف, عاشق عذري!

Tanggungjawab sebagai seorang anak terhadap ibu bapa juga telah diabaikannya. Begitu juga dengan ikatan persahabatan yang telah lama terjalin di antara beliau dan

sahabat-sahabatnya dahulu langsung tidak membawa apa-apa erti kepadanya. Setelah menamatkan pengajian dan mendapat pekerjaan beliau langsung tidak menghiraukan kedua ibubapa yang membesarkannya selama ini, walaupun beliau sebenarnya telah berjanji untuk membantu mereka apabila telah bekerja.

Dalam memburu kemewahan dunia dia sanggup mengkhianati ʿAlī Tāha dan berkahwin dengan bekas kekasih sahabatnya itu. Demi memburu pangkat dan jawatan dia telah merelakan isterinya menjalinkan hubungan sulit dengan orang atasannya Qāsim Bey Fahmī. Namun, sebagai pengajaran bahawa perkara yang tidak baik itu akan mendapat balasan yang setimpal, Najīb Mahfūz mengakhiri perjalanan hidup Mahjūb dengan kekecewaan. Setelah rahsia hubungan sulit Qāsim Bey Fahmī dan isterinya terbongkar Mahjūb telah kehilangan segala-galanya.

Novel *al-Marāya* yang menemui khalayak pada tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh dua adalah novel yang agak berbeza dari segi pembikinannya berbanding novel-novel Najīb Mahfūz yang lain. Sepertimana yang pernah diakui oleh Najīb Mahfūz sendiri, novel tersebut sebenarnya adalah merupakan rakaman dari pengalaman dan memori hidupnya. Memori dan pengalaman itu telah diadun dengan kreativiti dan imajinasinya sehingga membentuk sebuah karya kreatif (al-Enani 1993: 131).

Menggunakan teknik imbasan sepenuhnya, beliau telah menceritakan watak demi watak di dalam novel ini melalui narator yang merupakan bayangan kepada penulis sendiri. Kisah hidup pengalaman dan pemikiran watak-watak tersebut telah diceritakan semula secara terperinci oleh narator. Kisah dari watak-watak itu juga cuba dijalinan oleh Najīb Mahfūz bersama dengan peristiwa-peristiwa semasa yang dilalui masyarakat bermula dari revolusi tahun 1919 hinggalah penghujung tahun 1960an dimana negara-negara Arab mengalami kekalahan kepada Israel di dalam peperangan *Youm Kifur* pada tahun 1967.

Di antara watak menarik yang diketengahkan oleh Najīb Mahfūz di dalam *al-Marāya* ialah watak Sabri Jād seorang anak muda yang bekerja sebagai wartawan pelatih di sebuah majalah mingguan. Melalui watak Sabri Jād, Najīb Mahfūz cuba menyelami dan menyingkap permasalahan dan pergolakan jiwa generasi muda Mesir semasa dan selepas kekalahan Arab kepada Israel di dalam peperangan *Youm Kifur* pada tahun 1967. Keresahan dan kekecewaan generasi muda akibat kekalahan tersebut meninggalkan impak yang mendalam terhadap jiwa mereka sehingga menimbulkan krisis kepercayaan kepada generasi terdahulu serta pegangan yang mereka anuti selama ini. Kesan dari keadaan tersebut jiwa mereka memberontak dan cuba mencari alternatif baru bagi mengubat kekecewaan tersebut. Hal di atas jelas terserlah dan dapat kita ikuti di dalam dailog-dailog diantara Sabri Jād, Abbās Fauzī dan narator sendiri. Bermula dengan persoalan keagamaan yang menjadi pegangan mereka (1980: 157):

- اعتدل الأستاذ عباس فوق الكنبه التركيه ثم سأله :
ما موقفكم من الدين ؟
فأجاب صبري جاد:
- لا أحد يهتم به !
- لا أحد ؟!

– الأغلبية لا تهتم به !
– لم ؟
لم يكن موضع بحث, ربما لأنه توجد به أشياء غير معقولة وتخالف ما تدرسه من العلم ...

Jelas dari perbualan di atas kepercayaan terhadap agama bukan lagi suatu perkara yang penting dalam kehidupan sebahagian besar anak-anak muda waktu itu. Malahan lebih jauh dari itu, agama bagi tanggapan golongan majoriti ini dikaitkan dengan kepercayaan yang karut dan tidak dapat diterima secara rasional oleh akal serta tidak sesuai dengan kajian-kajian saintifik moden. Lebih memburukkan keadaan, ibu-bapa yang sepatutnya mendidik dan menjadi contoh ikutan kepada anak-anak juga tidak mengambil perhatian yang serius terhadap masalah ini malahan mereka sendiri pun turut mengabaikan ajaran-ajaran agama (1980:158).

– والبيت ؟ ... ألم تلقنه قي البيت ؟ ... هل والدك مؤمنان ؟
– نعم ولكنهما لا يصليان ولا يصومان ولا يتحادثان في الدين !

Persepsi generasi muda pada masa itu terhadap institusi kekeluargaan juga turut diketengahkan oleh Najīb Mahfūz di dalam *Al-Marāya*. Bagi mereka perkahwinan yang menjadi teras kepada institusi kekeluargaan bukan lagi satu perkara yang penting. Sebaliknya amalan seks secara bebas dan tanpa batasan dianggap sebagai gaya hidup baru generasi ini yang jelas menunjukkan kecelaruan pemikiran mereka. Hubungan diantara lelaki dan wanita tidak lagi berdasarkan cinta, sebaliknya adalah berasaskan tarikan seks semata-mata(1980: 161).

و رجع الأستاذ عباس فوزي يسأل :
– وما موقفكم من الحب ؟ ... ألا زال للحب عندكم قيمة أم أصبح الجنس كل شيء ؟
– الجنس مسيطر, وقليلون يحبون بل ويرغبون أن يمتد بهم الحب حتى الزواج ؟
و ماذا عن الأكثرية ؟
– يمارسون المغامرات الجنسية

Agama sebagai wadah bagi mereka yang kecewa untuk melarikan diri dari tekanan masalah dalam mengharungi kehidupan juga mendapat perhatian Najīb Mahfūz di dalam *al-Marāya*. Melalui watak Dr. Ibrahim^c Aql seorang ahli falsafah dan guru di Dār Ulūm. Beliau telah mendapat pendidikan tertinggi di Sorbone, Perancis. Sebagai seorang mahaguru falsafah berkelulusan luar negara, beliau cukup terkenal dengan pandangannya yang agak kontroversi terhadap agama islam. Dengan apa yang telah dimilikinya, beliau telah mencapai kejayaan yang cukup membanggakan dalam bidang akademik dan politik. Namun kejayaan yang dicapainya itu bukanlah satu jaminan kebahagiaan dalam mengharungi kehidupan di dunia yang penuh pancaroba ini. Ditengah-tengah kejayaan yang dikecapinya, sebuah tragedi melanda kehidupan peribadinya. Kedua-dua anak yang sangat disayangi olehnya telah pergi buat selamalamanya setelah dikatakan menjadi mangsa kes pembunuhan. Kesan dari tekanan dan kesedihan yang ditanggungnya, beliau akhirnya memilih untuk mendekati diri kepada tuhan melalui ajaran sufi dan menjadi seorang *Darwisy*. Segala kejayaan dan

kemewahannya selama ini telah ditinggalkan olehnya dalam mencari ketenangan bersama tuhan telah dilupakannya selama ini. Jelas dari pembacaan kita terhadap kisah hidup Dr. Ibrahim [°]Aql yang digambarkan oleh Najīb Mahfūz, agama yang sepatutnya adalah pegangan dan anutan suci yang menjadi penyuluh kehidupan di dunia telah diletakkan hanyalah sebagai satu jalan untuk melarikan diri dari masalah hidup (Escapisme).

Sementara itu, terdapat juga sesetengah watak *al-mutadayyun* (orang agama) yang digambarkan di dalam novel-novel Najīb Mahfūz sebagai manusia yang oportunis. Mereka sebenarnya menjadikan agama sebagai sumber rezeki dan mendapatkan keuntungan duniawi semata-mata. Agama bagi golongan seperti ini hanyalah merupakan topeng semata-mata untuk menutup wajah sebenar mereka yang rakus terhadap dunia.

Contoh dalam hal tersebut dapat dilihat pada watak Syeikh Darwish di dalam *Zuqāq al-Midāq*. Beliau pada mulanya adalah seorang guru di sebuah madrasah Awqāf. Malangnya, setelah semua kakitangan madrasah tersebut diserapkan ke kementerian al-Maarif dia diturunkan pangkat dan menghadapi beberapa masalah dalam tugas barunya. Sikapnya yang tidak berakhlak membuatkan dia dibuang kerja. Setelah itu kehidupannya mula berubah. Beliau meninggalkan keluarga, sahabat handai dan apa yang dimilikinya dahulu. Dengan perwatakan terbaru seperti seorang sufi, beliau merupakan seorang fakir tanpa harta dan tempat tinggal. Dalam memenuhi keperluan hidupnya, beliau terpaksa bergantung kepada pemberian orang ramai yang menganggapnya sebagai seorang wali yang soleh, mempunyai berkat dan kebolehan yang luar biasa (Najīb Mahfūz 1947: 15-16).

Najīb Mahfūz juga cuba membayangkan agama pada waktu itu sebagai tempat yang subur bagi mereka yang melarikan diri dari kelemahan diri, mereka yang tidak bernasib baik dalam hidup ataupun kadang-kadang satu perisai palsu yang suci bagi menyembunyikan sebaliknya kejahatan dan dosa yang dilakukan. Hal ini dapat kita lihat di dalam novel *Bayna al-Qosrain* dan *al-Lissu wa al-kilāb*. Di dalam *Bayna al-Qosrain* watak Sayyid Ahmad [°]Abd. Jawwād digambarkan sebagai menggunakan agama untuk menutup wajah sebenar dirinya yang rakus sementara Syeikh [°]Abd. Samad pula mengeksploitasi agama untuk menjadi sumber rezeki hidupnya.

Watak yang hampir serupa seperti Sayyid Ahmad [°]Abd. Jawwād di dalam *Bayna al-Qosrain* juga dapat kita lihat di dalam *Al-Marāya* melalui watak Zahrān Hassūnah. Najīb Mahfūz menggambarkan Zahrān Hassūnah sebagai seorang yang kuat berpegang dengan ajaran agama islam walaupun adakalanya kelihatan pengaruh adat dan kepercayaan khurafat masyarakat awam bercampur-baur di dalam percakapannya (1980: 95)

و كان اذا حضر وقت الصلاة قام وصحبه فانتحوا جانبا فيما وراء البارو أدوا الصلاة جماعة وهو يؤمهم. وهو يؤمهم لأنه الوحيد بينهم الذي أدى فريضة الحج. و الحق أن الدين كان يشغل حيزا من أحاديثهم لا يستهان به، وهي تفصح عادة عن ايمان بسيط صادق تختلط فيه العقيدة بالخرافة بالأساطير الشعبية ولكن لا شك في صدقه. وكانت صحبتهم ممتعة، وكانوا كرماء، وفيهم شهامة أولاد البلد.

Beliau pernah berkhidmat dengan kerajaan, tetapi meletakkan jawatannya kerana menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Perniagaan yang dijalankannya telah mencapai keuntungan yang besar. Namun, ternyata akhirnya perwatakannya seperti orang yang taat di dalam beragama selama ini hanyalah luaran seamata-mata. Beliau sebenarnya terlibat dengan perniagaan minuman keras dan pemetik api serta barang-barang makanan yang menjadi keperluan asas di pasaran gelap. Malahan, perletakan jawatannya dari kerajaan juga adalah cerita yang diada-adakannya sahaja, sebaliknya beliau telah dipecat dari jawatan tersebut kerana terlibat dengan gejala rasuah.

Ketika ditanya kepadanya tentang keterlibatannya di dalam perniagaan yang haram seperti itu, beliau menjawab dengan penuh keyakinan bahawa pekerjaan seperti itu tidak ada salahnya. Malahan, tuhan akan mengampunkan dosa-dosanya itu melalui amalan baik yang pernah dilakukannya seperti solat, puasa dan Zakat. Sikapnya yang sedemikian jelas mengundang rasa tidak puas hati banyak pihak. Lebih buruk dari itu, ini mengundang persepsi yang tidak baik dan rasa prejudis masyarakat kepada mereka yang berpegang teguh kepada ajaran islam (*al-Mutadayyinūn*). Hal tersebut dapat dilihat dari tanggapan yang diberikan oleh ^ʿId Mansūr ketika memperkatakan tentang sikap Zahrān Hassūnah tersebut. Pada persepsi ^ʿId Mansūr semua golongan *al-Mutadayyinūn* ini sebenarnya adalah golongan yang hanya berpura-pura dan langsung tidak boleh dipercayai (1980: 95):

و عيد منصور يسره دائما أن يثبت أن جميع الناس لا خلاف لهم مثله !. قال وهو يضحك :
- ابي أشك في جميع الناس و لكني أشك بصفة خاصة في المتدينين !

Setelah melibatkan diri dalam perniagaan beliau telah menjalinkan hubungan dengan Dr. Zuhair Kamāl seorang ahli *Majlīs al-Niābah* (parlimen Mesir) bagi melicinkan perniagaan haramnya itu. Dengan keuntungan besar yang diperolehinya secara haram itu, beliau telah menjadikannya modal untuk menubuhkan sebuah syarikat kontraktor pembinaan. Hasil hubungan baiknya dengan beberapa orang dari pihak pemerintah, beliau telah diberi pelbagai projek kerajaan. Dengan projek-projek seperti itu beliau berjaya mengaut keuntungan yang cukup lumayan dari syarikatnya. Beliau yang dulunya hanyalah pekerja bawahan di pejabat kerajaan kini telah menjadi seorang jutawan.

Setelah beberapa lama tenggelam dalam kemewahan hidup, satu perkara yang tidak pernah diduganya selama ini telah berlaku. Selepas tercetusnya revolusi pada tahun 1956, kerajaan telah mengubah sistem kapitalis yang digunakan selama ini kepada sistem sosialis dalam pentadbiran negara. Sehubungan itu, semua harta yang dimiliki oleh beliau telah dirampas oleh kerajaan dan dimiliknegerakan. Beliau akhirnya terpaksa meneruskan kehidupan dalam keadaan serba kekurangan.

Di samping watak-watak negatif yang dipaparkan di atas, tidak dinafikan juga yang Najīb Mahfūz ada memaparkan watak yang positif di dalam karya-karyanya. Watak-watak seperti Makmun Ridwān di dalam *al-Qāhirah al-Jadīdah* ataupun ^ʿAmir Wajdi di dalam *Mirāmar* dan ^ʿAbdul Mun^ʿīm di dalam *al-Sukkariyah* bolehlah dianggap sebagai berpandangan sederhana dalam persoalan-persoalan agama. Mereka juga boleh dianggap sebagai penyumbang kepada keharmonian masyarakat dan bukannya pembawa masalah seperti watak-watak negatif di atas. Namun, disebabkan kajian ini menjurus ke

arah menyingkap permasalahannya sahaja maka hal-hal yang seperti itu sudah tentulah tidak dapat diulas di sini.

Walaupun Najīb Mahfūz bolehlah dianggap banyak juga memaparkan isu menyentuh soal-soal keagamaan di dalam karya-karyanya namun hasil penelitian penulis keatas novel-novel yang dihasilkannya, tiada satupun novel yang ditulis olehnya mengangkat tema agama sebagai tema utama. Sebaliknya, gambaran dan kritikan yang cuba disampaikan kepada khalayak pembaca hanyalah sekadar plot dan babak-babak kecil melalui watak-watak ciptaannya.

3. PERMASALAHAN SOSIAL DAN AGAMA DALAM NOVEL SHAHNON AHMAD

Berbanding Najīb Mahfūz yang tidak memfokus secara khusus tema agama di dalam novel-novelnya, Shahnnon dilihat lebih serius di dalam mengetengahkan isu-isu berkaitan keagamaan. Bermula dari merakamkan watak-watak sampingan seperti Lebai Debasa dan Tuk Imam. Kemudiannya diikuti pula dengan watak Imam Hamad di dalam *Srengenge* dan beberapa plot-plot kecil di dalam novel yang lain. Namun novel *Protes* yang lahir pada 1967 adalah novel pertama Shahnnon yang menyentuh tema keagamaan secara serius. Selepas itu, dalam tahun 1980an dan seterusnya Shahnnon dilihat mula serius dengan teori gagasan islam. Hasilnya lahirlah novel-novel seperti *Al-Syiqaq*, *Tok Guru* dan *Umi dan Abang Syeikhul* yang menjadikan hal-hal keagamaan sebagai tema utama penceritaannya.

Novel *Tok Guru* (1990) contohnya, mengetengahkan tema penyelewengan golongan agama dalam isu pengamalan poligami secara khusus. Selain menonjolkan unsur dakwah apabila Tok Guru berdakwah kepada keluarga Mamak Merican yang jahil hingga mengubahnya menjadi seorang yang memahami hukum dan ajaran islam, namun hal sebenar yang ingin diketengahkan oleh Shahnnon lewat novel tersebut ialah isu poligami. Di samping mengajar ilmu tauhid, tasawuf, usuluddin, Tok guru juga tidak lupa menjelaskan kecantikan hidup berpoligami menurut syariat islam dan menangkis segala tanggapan buruk terhadapnya. Bagi menjelaskan hal tersebut kepada keluarga Mamak Merican, beliau menjadikan dirinya yang beristeri tiga sebagai contoh. Untuk mempraktikkan hal tersebut Tok Guru telah mencadangkan Mamak Merican mengahwini adik beliau Rabiatusadawiyah seorang janda yang cantik sebagai isteri kedua. Sementara itu Tok Guru pula memperisterikan Cumbi anak Mamak Merican sebagai isterinya yang keempat. Mamak Merican akhirnya menurut jejak langkah Tok Guru dalam berpoligami dengan mencukupkan isterinya kepada empat orang. Bagaimanapun, seperti juga Tok Guru yang tidak berlaku adil dalam melayani isteri-isterinya, Mamak Merican juga gagal bersikap adil kepada isteri-isteri tuanya. Tok Guru pada gambaran Shahnnon Ahmad sebenarnya adalah seorang alim yang hanya pandai berteori tetapi tidak tahu mempraktikkannya. Sementara Mamak Merican pula adalah lambang kepada masyarakat awam yang jahil dan begitu mudah terpedaya dengan pandangan luaran atau fizikal dalam menilai ketakwaan seseorang. Dengan perwatakan luaran Tok Guru yang sentiasa berserban dan berjubah, menyimpan janggut dan jambang seperti yang diamalkan Rasulullah menjadi daya tarikan kepada Mamak Merican dan mendorongnya menjadi pengikut yang setia.

Hal yang sama di dalam *Tok Guru*, turut diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad di dalam Novel *Ummi & Abang Syeikhul* (1992). Abang Syeikhul yang merupakan ketua

sebuah jemaah telah mengeksploitasikan agama untuk memenuhi kehendak nafsu syahwatnya. Poligami dijadikan alasan sebagai penunduk nafsu seksnya yang ganas. Dengan tunduknya nafsu tersebut, Abang Syeikhul mendakwa akan dapat berjuang dan memimpin jemaah dengan lebih baik lagi. Bagi memenuhi tuntutan tersebut Abang Syeikhul sentiasa memerlukan ladang baru yang subur dan lebih menarik. Apabila tiga orang isteri yang dimilikinya tidak lagi dapat menarik perhatiannya beliau telah berkahwin seorang lagi. Seterusnya pula, setelah merasa jemu dengan ketiga-tiga isterinya itu, mereka telah diceraikan bagi membolehkannya berkahwin dengan gadis-gadis lain yang lebih muda.

Kedua-dua novel di atas ditulis pada awal tahun 1990an secara fenomenologinya adalah bertujuan untuk menelanjangi sikap segolongan masyarakat yang mempermainkan agama dan bersikap oportunistik. Menurut Jaafar Abdul Rahim (Talib Samat 2002: 156) novel tersebut dihasilkan untuk mendedahkan permasalahan di atas yang berlaku di dalam sebuah pertubuhan dakwah yang pernah dianggotai oleh Shahnnon sendiri pada tahun-tahun 1970an dan 1980an. Hal tersebut turut diakui sendiri oleh Shahnnon Ahmad di dalam satu temubual bersama Ahmad Kamal Abdullah (1983: 192).

Protes yang dihasilkan pada tahun 1967 adalah percubaan pertama Shahnnon mengangkat tema ketuhanan yang agak serius dalam karyanya. Novel yang sarat dengan logika dan falsafah barat, cuba diketengahkan secara sungguh-sungguh oleh Shahnnon dan benar-benar mencabar minda khalayak pembacanya. Menurut Mohamed H.M. Noor di dalam kata pengantar novel tersebut (*Protes*.1967) Shahnnon dengan *Protesnya* ini adalah pengarang Melayu moden pertama secara serius cuba menerapkan falsafah di dalam karya kreatifnya.

Berbeza dengan Najīb Mahfūz yang sering mengaitkan krisis pemikiran watak-watak ciptaan di dalam novel-novelnya dengan ideologi politik tertentu, Ferdaos ciptaan Shahnnon di dalam *Protes* hanyalah seorang manusia biasa yang dilanda keraguan dan cuba mencari kebenaran asli. *Protes* mengisahkan konflik diantara watak Ferdaos yang eksistentialis sedang dilema krisis kepercayaan terhadap apa yang telah dianutinya dan watak Lokman yang idealis bersikap konservatif dengan menerima seadanya akan segala apa yang telah diwarisinya selama ini.

Ferdaos seperti juga individu lain yang dilahirkan dalam masyarakat Melayu, telah mewarisi secara total kepercayaan-kepercayaan yang bersifat *transcendent* di dalam agama islam. Walaupun beliau percaya akan kewujudan tuhan namun kini beliau dilanda beberapa persoalan yang mencabar kepercayaan-kepercayaan yang bersifat *transcendent* tersebut. Hari Kiamat, syurga, neraka, pahala, bidadari, akhirat dan roh yang bersifat *transcendent* itu terlalu sukar untuk dilogikkan dan diterima oleh akal fikirannya.

Sebagai manusia yang mementingkan kebenaran dan pencari kebenaran asli di dalam hidupnya beliau beranggapan bahawa segalanya hanya tercapai dengan akal yang tinggi dan fikiran yang logik sahaja. Namun, yang menjadi persoalan baginya sekarang ialah, apabila islam menetapkan wujudnya kepercayaan-kepercayaan yang bersifat *transcendent* dan tidak dapat dicapai oleh akal dan pemikiran manusia, apakah tujuan hidup umat islam bukan lagi mencari kebenaran yang asli tetapi hanyalah untuk hidup dalam khayalan dan angan-angan sahaja. Akhirnya setelah menyedari keterbatasan

kemampuan pemikiran manusia dalam menyelesaikan soal-soal *trancendent* tersebut, Ferdaus terpaksa akur dengan hakikat tersebut.

Secara keseluruhannya, *Protes* adalah sebuah novel yang sederhana dari segi adunan plotnya. Berbeza dengan novel lain buatan Shahnnon, *Protes* tidak mempunyai latarbelakang yang jelas. Kisahnya yang berlegar (di dalam fikiran) di sekitar satu watak utama dan empat watak pembantu ini hanya memakan masa tidak lebih dari sepuluh hari, satu masa yang terlalu singkat bagi sesebuah karya tulisan Shahnnon seperti *Ranjau Sepanjang Jalan*. Jika dilihat dari sudut realiti semasa, falsafah eksistensialisme bukanlah satu budaya berfikir popular pada waktu itu, sebaliknya ia hanya melanda segelintir masyarakat terpelajar yang terpengaruh dengan ajaran-ajaran falsafah dari barat. Keadaan ini amat berbeza jika dibandingkan dengan situasi semasa masyarakat Mesir dimana pemikiran seperti ini telah mendapat sambutan yang hebat dari golongan mudanya yang terpelajar.

Sebuah lagi novel Shahnnon yang menyentuh isu permasalahan berkaitan agama di dalam masyarakat ialah Novel *Tunggul Tunggul Gerigis*. Walaupun tema utama permasalahan novel ini ialah politik, namun secara tidak langsung ini turut mengheret isu agama bersama-sama. Hal itu terjadi apabila agama dijadikan sebagai ideologi politik salah sebuah parti yang bersengketa di Poseng. PSS (Parti Seruan Suci) yang diketuai oleh Derani menjadikan islam sebagai asas parti tersebut bersengketa dengan PBB (Parti Bumi Bertuah) yang dikepalai oleh Mahmud. PBB di dalam novel ini ialah sebuah parti yang berfahaman sekular, materialistik dan jahil. Su Usul (watak utama novel) terpaksa menahan kepayahan dan kesedihan menyaksikan perbalahan kedua-dua parti yang dikepalai oleh kedua-dua anaknya (Derani dan Mahmud).

Perbalahan yang berasal dari perbezaan fahaman politik ini telah banyak menimbulkan masalah dari segi ekonomi, politik, kepimpinan, sosial, dan keagamaan di Poseng. Perpecahan, permusuhan, tuduh menuduh, khianat mengkhianati dikalangan masyarakat awam adalah rentetan dari perbalahan tersebut. Masjid yang sepatutnya menjadi tempat ibadah pun sudah bertukar menjadi punca perbalahan dan pertengkaran. Selain dari sikap dan tindakan parti PBB yang terlalu jauh menyimpang dari ajaran agama yang sebenar, pegangan dan, sikap parti PSS juga adalah di antara penyumbang dan penyebab kepada tercetusnya krisis ini. Hal tersebut telah diperlihatkan oleh pengarang di dalam bab 25 novel tersebut:

“ yang pertama bergolak dalam Poseng bukan sangat kerana kesesatan dan kesongsangan orang lain tapi lebih kerana pegangan kuasa dalam kejahilan. Yang kedua bergolak dalam Poseng bukan sangat kerana kesesatan dan kesongsangan orang lain tapi lebih kerana cepat sangat merasai diri lebih lurus dan bersih sedangkan orang lain itu hanya najis dan anjing yang tak boleh disentuh. Yang ketiga bergolak dalam poseng bukan sangat kerana kesesatan diri tapi kesesatan orang lain “.

Jelas dari petikan di atas sikap merasai diri betul, lurus dan bersih sementara orang lain itu tidak betul dan najis, yang terdapat pada pendokong-pendokong PSS adalah diantara punca perbalahan tersebut. Penyakit ini sebenarnya adalah penyakit yang biasa menular dikalangan golongan agama dan telah cuba didedahkan oleh Shahnnon Ahmad di dalam *Tunggul Tunggul Gerigis*.

Berhubung dengan isu-isu kepercayaan yang berkaitan dengan soal akidah, satu perkara yang dilihat tidak terdapat di dalam novel-novel Najīb Mahfūz tetapi ada disentuh oleh Shahnnon Ahmad tentang permasalahan tahyul dan khurafat atau *animisme*. Hal ini berlaku kerana berasaskan kepada realiti masyarakat kedua-dua negara itu sendiri. Bagi masyarakat Melayu (terutamanya di kawasan pedalaman) kepercayaan kepada soal tahyul dan khurafat seperti penunggu, semangat-semangat tertentu, hantu, dan lain-lain masih menebal. Keadaan ini terjadi hasil daripada warisan sejarah kaum Melayu itu sendiri yang menerima kedatangan islam pada kurun ke 12 yang lalu. Satu fakta yang tidak dapat dinafikan ialah sebelum kedatangan islam di Nusantara, masyarakat melayu waktu itu majoritinya adalah beragama Hindu. Walaupun telah memeluk agama Islam kesan dan pengaruh agama itu masih wujud dikalangan masyarakat melayu terutamanya yang mendiami kawasan pedalaman yang masih mundur. Keadaan sebaliknya berlaku di negara Mesir, Islam telah diterima sebagai agama anutan majoriti masyarakatnya sejak lebih seribu empat ratus tahun yang lampau lagi. Jarak yang terlalu lama itu telah menghakis kepercayaan dan amalan agama yang terdahulu. Walaupun tidak menafikan wujudnya kepercayaan dan amalan khurafat dikalangan masyarakat mereka namun tidaklah begitu meluas seperti yang terdapat di dalam masyarakat Melayu.

Jika di dalam *Tunggul Tunggul Gerigis* fahaman agama yang salah adalah di antara penyebab kepada perpecahan masyarakat, dalam novel *Srengenge* pula fahaman dan kepercayaan kepada unsur-unsur tahyul yang karut marut serta bertentangan dengan ajaran agama adalah punca kepada perpecahan tersebut. *Srengenge* adalah nama bagi sebuah bukit yang dipercayai oleh sebilangan masyarakat kampung seperti bomoh Useng, Saad Che Lah, Diah dan Siddik sebagai berpenunggu dan tidak boleh diganggu. Sementara itu Awang Cek Teh pula mempunyai pandangan yang lain. Sebagai seorang petani yang memerlukan sebuah kawasan pertanian baru, beliau tidak menghiraukan kepercayaan karut tersebut (walaupun turut mempercayainya). Beliau berazam untuk memugar bukit tersebut untuk ditanam dengan tanaman yang boleh mendatangkan pulangan hasil yang baik kepadanya. Setelah mendapat persetujuan dari Imam Hamad (imam kampung) dan isterinya Hajah Munah (yang pada mulanya menentang cadangannya itu) beliau mula berangan-angan untuk menjayakan rancangannya itu. Namun rancangan dan harapannya itu telah menemui kegagalan apabila Imam Hamad tiba-tiba jatuh sakit selepas pulang dari meracik burung dihutan srengenge. Bomoh Useng percaya penyakit yang menimpa Imam Hamad adalah berpunca dari rasukan penunggu bukit srengenge. Justeru, penunggu Srengenge perlu dijamu untuk menghentikan rasukan tersebut. Namun, setelah penunggu dijamu Imam Hamad terus nazak dan menemui ajalnya. Harapan dan cita-cita Awang Cek Teh turut terkubur bersama pemergian Imam Hamad. Harapan dan cita-cita murni Awang Cek Teh untuk memajukan dirinya musnah hanya kerana kepercayaan karut yang diwarisi oleh masyarakat sejak turun temurun. Begitulah besarnya pengaruh kepercayaan karut tersebut terhadap masyarakat pedalaman seperti di kaki bukit Srengenge.

4. KESIMPULAN

Melihat kepada novel-novel yang dihasilkan oleh kedua-dua penulis, jelas kepada kita permasalahan agama adalah diantara isu yang mendapat tempat dalam karya-karya mereka itu. Isu-isu seperti amalan dan kepercayaan individu-individu tertentu (yang beragama islam) yang bercanggah dengan ajaran agama, dan krisis kepercayaan yang melibatkan soal-soal teologi dalam islam dan pengeksploitasian agama demi

kepentingan diri sendiri adalah di antara perkara yang cuba diketengahkan oleh kedua-dua penulis. Walaupun dengan hal, cara, dan watak yang berbeza mengikut kesesuaian masa, tempat, dan budaya masing-masing, namun matlamatnya tetap sama iaitu menengahkan permasalahan berkaitan dengan agama kepada khalayak pembaca.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, jika dilihat kepada karya-karya yang dihasilkan oleh kedua-dua penulis ini, Shahnun Ahmad dilihat lebih serius dalam memperkatakan isu-isu keagamaan berbanding Najīb Mahfūz. Kenyataan ini adalah berdasarkan hasil-hasil novel mereka sendiri. Shahnun di dalam konteks ini telah menghasilkan beberapa buah novel yang bertemakan agama secara khusus. Sementara itu, Najīb Mahfūz pula dilihat hanya menyentuh persoalan-persoalan agama secara tidak langsung di dalam novel-novelnya. Mengulas perbezaan tersebut, pengkaji merasakan peranan masyarakat sekeliling adalah diantara penyumbang kepada hal tersebut. Selain itu, situasi politik semasa dalam negara juga adalah antara faktor yang mempengaruhi pemikiran kedua-dua penulis.

Sesuatu yang diakui, angin perubahan dunia ke arah kebangkitan islam dan kesedaran beragama telah bertiup di kedua-dua buah negara. Mesir di dalam konteks ini dilihat terlebih dahulu menerimanya dari tanahair kita. Namun, kebangkitan dan kesedaran itu ditanggapi dengan perspektif berbeza oleh masyarakat kedua-dua buah negara. Di Mesir pada awal abad kedua puluh dimana kebangkitan islam bertiup, ini dikaitkan dengan gerakan penentangan terhadap penjajah. Justeru, arus kebangkitan dan kesedaran ini ditanggapi oleh masyarakat awam sebagai gerakan politik. Tanggapan ini sudah tentulah mengundang pandangan negatif dari sesetengah pihak yang berkepentingan. Justeru, ianya telah dilabelkan sebagai gerakan yang radikal dan hasilnya telah menyebabkannya kurang mendapat sambutan dari masyarakat. Sasterawan sebagai seorang individu di dalam masyarakat juga turut menerima tempias dari pandangan yang sama. Dalam melahirkan karya yang dapat diterima oleh masyarakat faktor seperti itu sudah tentulah perlu diambil kira oleh penulis tersebut. Bagi masyarakat islam di Malaysia angin kesedaran dan kebangkitan islam di sebelah sini hanya mula dapat dirasai pada awal tahun tujuh puluhan dimana ketika itu negara ini sudah menikmati kedudukan politik yang cukup stabil. Justeru, gerakan-gerakan yang mempelopori kebangkitan islam di Malaysia dilihat hanyalah sebagai satu refleksi sosial dan bukannya atas dasar politik tertentu. Atas dasar itu penerimaan masyarakat umum kepada arus tersebut dilihat adalah lebih positif. Kesedaran dan kebangkitan islam ini sebenarnya turut menyapa kehidupan Shahnun Ahmad pada waktu itu. Malahan beliau pernah terlibat secara serius di dalam gerakan islam seperti tersebut dengan menganggotai sebuah jemaah Islam pada tahun 70an dan 80an. Hasil dari keterlibatannya itu lahirlah beberapa novel yang khusus memfokuskan ke arah hal tersebut.

Dari analisis pengkaji juga, di antara isu yang cuba diketengahkan oleh mereka ialah masalah pemikiran songsang yang bertentangan dengan kepercayaan dalam ajaran islam. Watak-watak seperti Ali Toha dan Ahamad Badir di dalam *al-Qāhira al-Jadīdah* dan Ferdaos di dalam *Protes* membuktikan hal tersebut. Namun begitu dari analisis pengkaji, Najīb Mahfūz dalam karya-karyanya lebih menyerlahkan hal ini. Perkara tersebut mungkin disebabkan kuatnya tiupan angin reformasi pemikiran yang dipengaruhi oleh revolusi 1919 di Rusia melanda negara-negara Arab waktu itu. Dari pengamatan penulis juga Shahnun telah cuba menengahkan masalah kepercayaan yang berkaitan dengan

tahyul dan khurafat ataupun animisma lewat novel Srengenge hasil nukilannya. Kepercayaan ini bagaimanapun tidak disentuh oleh Najīb Mahfūz di dalam mana-mana karyanya. Penjelasan terhadap hal tersebut adalah berbalik kepada situasi masyarakat masing-masing. Kepercayaan karut itu jelas tidak menular dikalangan masyarakat arab berbanding dengan apa yang terdapat dikalangan masyarakat Melayu. Selain dari perkara di atas kedua-dua penulis ini juga ada menyentuh soal amalan ataupun cara hidup yang jelas bertentangan dengan ajaran islam. Analisis terhadap novel *al-Qāhirah al-Jadīdah* menunjukkan wujudnya kecenderungan itu pada watak Mahjub Abd Daim sementara *Sutan Baginda* pula mengetengahkan kepada kita watak Sutan Baginda itu sendiri. Mereka ini digambarkan jelas oleh kedua-dua pengarang sebagai manusia yang terpengaruh dengan budaya hedonisma. Tidak ketinggalan juga bagi kedua-dua pengarang untuk mendedahkan golongan-golongan oportunistik yang bersikap hipokrit terhadap agama islam. Dari analisis yang dijalankan terhadap novel-novel yang dipilih, manusia-manusia seperti ini telah mengambil kesempatan dari sifat luaran mereka yang nampak seperti manusia yang taat kepada tuhan. Namun, mereka sebenarnya hanya mencari peluang untuk mengaut keuntungan duniawi semata-mata dari manusia yang mereka telah perdayakan itu. Watak seperti Zahrān Hassūnah (*al-Marāyā*) dan Syekh Darwish (*Zuqāq al-Midaq*) karya Najīb Mahfūz dan Tok Guru (*Tok Guru*) dan Abang Syekhul (*Umi dan Abang Syekhul*) karya Shahnun Ahmad mewakili manusia-manusia seperti ini.

RUJUKAN

- Aasi, Michel Dr. 1990. *Fi al-Naqd al-Adabi*. Beirut, Lubnan: Dar al-Ilmi lil-Malayin.
- Ahmad Kamal Abdullah (pngr.). 1983. *Jambak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah 1995. *Pemikiran sasterwan nusantara suatu kajian perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Wahab Ali 1989. *Imej Manusia dalam Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwisy, Hassan al-Arabi Dr. t.th. *al-Naqd al-adabi baina al-qudama wa al-muhaddithin*. Cairo: Maktabah al-Nahdhoh al-Misriyah.
- Enani, M.M.. 1989. *Naguib Mahfouz Nobel 1988 Egyptian Perspectives: A collection of critical essays*. Egypt: General Egyptian Book Organization.
- El Enany, Rasheed 1993. *Naguib Mahfouz The pursuit of meaning*. London: Routledge.
- Faiq, Mustafa Dr. dan Abd Ridha Ali Dr. 1989. *Fi al-Naqd al-Adabi al-Hadith*. Mosul: Mosul University.
- Fauzi, Mahmud 1989. *Najib Mahfuz Zaiim al-Harafish*. Beirut: Dar al-Jeil.
- Frye, Northrop. 1973. *The Social Context of Literary Criticism dalam The Sociology of Literature and Drama*. Tom Burns & Elizabeth Burns. London: Penguin.
- Grebstein, N. 1968. *Perspective in Contemporary Criticism*. New York: Happer and Raw.
- Haywood, John A. 1971. *Modern arabic literature 1800-1970*. an introduction, with extracts in translasion. London: Lund Humphruies.
- Hobbs, Donald A. & Blank, Stuart J. 1982. *Sociology and the human expencerie*. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Ismail, Abd Muniim Dr. 1981. *Nazoriah al-adab wa manahij al-dirasat al-adabiah*. Kuwait: Maktabah Dar al-Fallah.

- Al-Jamili, Sayyar Kaukib Ali Dr. t.th. *Al-Nahdhoh al-Arabiah al-Hadithah wa al-Muasirah*. Dlm. *Al-Ummah al-Arabiah*, hlm83-119. Baghdad: Wazarah Ta`lim al-Aali.
- Jihad Fadhil. t.th. *Asiilah al-Riwayah Hiwarat Maa al-Ruwaiyyin al-Arab*. al-Darul al-Arabiah li al-Kuttab.
- Lawrence Quek. 2003. Lorong Midaq, Karya Naguib yang Kontroversi. *Mingguan Malaysia*. 5 Mei. 7
- Keris Mas. 1988. *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahfuz, Najib. 1979. *Khan al-Khalili*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mahfuz, Najib. 1980. *Al-Maraya*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mahfuz, Najib. 1985. *Zuqaq al-Midaq*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mahfuz, Najib. 1986. *Bayna al-Qasrain*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mahfuz, Najib. 1987. *al-Qahirah al-Jadidah*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mahfuz, Najib. 1987. *al-Sukkariyyah*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mahfuz, Najib. 1987. *Qasru al-Syauq*. Cairo: Maktabah Misr.
- Mana Sikana 1997. *Teori Sastera dan Budaya Dalam Kajian Akademik*. Bangi: UKM.
- Mayfield, James B. 1971. *Rural Politics In Nasser`s Egypt, A quest for legitimacy*. San Antonio: Capital Printing Company.
- Mohd Yusof Hasan 1995. *Koleksi terpilih Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Nauuri, Isa 1966. *Udaba` min al-Syarq wa al-Ghorb*. Beirut: Mansyurat Uwaidaat.
- Noor Azizah Ahmad dan Teh Yik Koon. 2001. *Sosiologi dalam Pengenalan Kepada Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- al-Quraisyi, Ali Dr. 1996. *al-Zaharaa lil-Ilam al-arabi*. Terj. Mohd Safwan Amrullah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Raja` Eid Dr. 1974. *Dirasah fi Adab Najib Mahfuz Tahlil wa Naqd*. Iskandariah: Munhyaatul Maarif.
- Ramli Isin. 1997. *Novel Melayu Mutakhir*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Salam, Mohd Zaghlul Dr. 1973. *Dirasah fi al-Qissah al-Arabiah al-Hadithah*. Iskandariah: Munhyaatul Maarif.
- Shahnnon Ahmad 1967. *Protes*. Melaka: Penerbitan Toko Buku Abbas Bandung.
- Shahnnon Ahmad 1988. *Srengenge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shahnnon Ahmad 1988. *Tunggul-tunggul gerigis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad 1988. *Tok Guru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad 1992. *Umi dan abang Syeikhul*. Pulau Pinang: Percetakan Yusran.
- Shahnnon Ahmad 1991. *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul aziz 1992. *Mobiliti sosial perspektif Barat Dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz Dr. 2001. *Kesusasteraan bandingan perkembangan pendekatanpraktis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors Sdn Bhd.
- Talib Samat 2002. *Selayang pandang dunia sastera dan penulisan*. Shah Alam: Karisma Publications SDN. BHD.
- Ting Chew Peh Dr. 1997. *Konsep asas sosiologi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Umar Junus 1986. Seluang : *Sebuah novel Baru dari Shahnnon Ahmad dalam tanggapan. Perbicaraan karya karya Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahab Ali. 2001. Kekuatan novel Naguib Mahfouz. *Mingguan Malaysia*, 23 Disember: 31.
- Yasin al-Sayyid. t.th. *al-Tahlil al-ijtimaai lil-adab*. Cairo: Dar al-Maarif.
- Yusof Izzuddin Dr.1973. *Fi al-Adab al-Arabi al-Hadith*. Cairo: Al-Maktabah al-Arabiah.
- Zulkarnain Mohamed. 2002. *Karya kreatif islami analisa teori dan aplikasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.